



B E L A N J A W A N



## SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)

### SPS LINDUNG – *Delivery Riders*

#### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL. 1/2021 | 23 DISEMBER 2020

### 1. Apakah itu SPS Lindung ataupun Skim Bencana Pekerjaan, PERKESO di bawah strategi Perlindungan Sosial, di dalam Belanjawan 2021?

- **SPS Lindung ataupun Skim Bencana Pekerjaan di bawah perlindungan sosial** adalah bantuan Kerajaan yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2021 di Parlimen pada 6 November 2020 bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), PERKESO** kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS).
- Bantuan Kerajaan ini adalah merupakan pakej penambahbaikan ke atas inisiatif **PenjanaGig** yang sedia ada diberikan kepada kumpulan ini sejak 15 Jun 2020.

### 2. Siapakah kumpulan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang disasarkan untuk menerima inisiatif Kerajaan di bawah SPS Lindung ini?

- Kumpulan sasaran OBS di bawah program inisiatif Kerajaan ini adalah *Delivery Riders* dengan jumlah sasaran penerima seramai 40,000 orang.
- *Delivery Riders* di sini merujuk kepada pekerja sendiri yang melaksanakan aktiviti penghantar barang ataupun makanan dengan menggunakan motorsikal, basikal ataupun berjalan kaki.

### 3. Berapakah bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada OBS melalui SPS Lindung ini?

- Bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada OBS melalui **SPS Lindung** ini adalah berbentuk pembiayaan bayaran penuh (100%) caruman SKSPS oleh pihak Kerajaan.

**4. Apakah pelan caruman Keselamatan Sosial yang disediakan oleh PERKESO di bawah SKSPS?**

- Terdapat empat (4) jenis Pelan bayaran caruman **SKSPS**, seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Pelan Caruman SKSPS, PERKESO**

Pelan Pilihan	Pendapatan Diinsuranskan	Caruman Bulanan	Caruman Tahunan
1	RM1,050	RM13.10	RM157.20
2	RM1,550	RM19.40	RM232.80
3	RM2,950	RM36.90	RM442.80
4	RM3,950	RM49.40	RM592.80

**5. Di bawah SPS Lindung, apakah pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan?**

- Pelan caruman yang dibiayai oleh Kerajaan di bawah **SPS Lindung** ini adalah **Pelan Caruman Kedua** iaitu sebanyak RM232.80 untuk tempoh perlindungan setahun.

**6. Apakah syarat-syarat yang melayakkan OBS untuk mendapatkan manfaat di bawah SPS Lindung?**

- Syarat-syarat kelayakan SPS Lindung adalah seperti berikut:
  - i. bertaraf warganegara Malaysia / permastautin tetap;
  - ii. tanpa mengira had umur;
  - iii. OBS bekerja sendiri di bawah kategori *delivery riders* iaitu penghantar barang atau makanan;
  - iv. bekerja sepenuh masa atau separuh masa; dan
  - v. OBS bekerja di Malaysia.

**7. Apakah manfaat yang disediakan kepada Delivery Rider yang menyertai SPS Lindung?**

- Manfaat atau faedah perlindungan Keselamatan Sosial yang disediakan di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri** adalah seperti dinyatakan di Jadual 2 berikut;

**Jadual 2 : Faedah Di Bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri**

Jenis Faedah	Manfaat Diperolehi
<b>Faedah Perubatan</b>	Bayaran percuma di mana-mana klinik panel PERKESO atau hospital Kerajaan
<b>Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)</b>	Bayaran sebanyak RM41.33 sehari iaitu 80% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan mengikut pelan caruman
<b>Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)</b>	Kadar 90% daripada pelan pendapatan yang diinsuranskan dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
<b>Faedah Orang Tanggungan</b>	Bayaran sebanyak RM1,395 sebulan sepanjang hayat (90% daripada pendapatan bulanan yang diinsuranskan)
<b>Elaun Layanan Sentiasa</b>	Bayaran RM500 sebulan kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.
<b>Faedah Pengurusan Mayat</b>	Bayaran sebanyak RM2,000 kepada orang tanggungan OBS
<b>Faedah Pinjaman Pendidikan</b>	Faedah berbentuk pinjaman kepada anak OBS yang layak
<b>Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional</b>	Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional secara percuma seperti fisioterapi, anggota tiruan, kerusi roda dan kursus/latihan kemahiran

\*Sampel di atas merujuk kepada faedah di bawah pelan caruman RM 232.80

**8. Bagaimakah permohonan SPS Lindung ini boleh dibuat?**

- Permohonan boleh dibuat terus kepada pejabat PERKESO atau melalui Platform Penyedia Perkhidmatan masing-masing.

**9. Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat pendaftaran SPS Lindung ini?**

- Dokumen yang diperlukan untuk *delivery riders* adalah seperti berikut:
  - i. Salinan kad pengenalan;
  - ii. **Profil id** pekerjaan OBS daripada Platform Penyedia Perkhidmatan; dan
  - iii. Salinan lesen motorsikal.
  - iv. Bagi yang berbasikal ataupun berjalan kaki, pekerja hendaklah mengemukakan salinan pendaftaran di bawah **platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig** yang berkaitan.

**10. Bilakah tarikh kuatkuasa SPS Lindung ini dan bilakah ianya akan tamat?**

- Tarikh kuatkuasa SPS Lindung adalah mulai pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

**11. Bilakah tarikh perlindungan SPS Lindung ini bermula dan sehingga bila tempoh perlindungan tersebut berkuatkuasa?**

- Tarikh bermulanya perlindungan OBS di bawah **SPS Lindung** adalah bermula pada tarikh dan masa pendaftaran yang disahkan oleh PERKESO.

**12. Bagaimanakah OBS boleh membuat semakan kelayakan atau kelulusan penyertaan program inisiatif Kerajaan ini ?**

- OBS boleh menyemak pendaftaran dan caruman melalui Sistem Matrix (<https://matrix.perkeso.gov.my>) iaitu melalui status Pengesahan Bekerja Sendiri;
- Semakan kelayakan permohonan di 54 buah kaunter pejabat PERKESO di seluruh Negara; dan
- OBS yang berjaya menyertai program SPS Lindung akan menerima notifikasi pengesahan penyertaan melalui emel.

**Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau e-mel kepada [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**23 DISEMBER 2020**